

04/07/2001

Masalah birokrasi punca saintis sukar dapat bantuan

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Proses kelulusan geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang pada masa ini lebih mengutamakan pengkomersialan hasil, menyebabkan banyak permohonan saintis tempatan ditolak.

Berbanding ketika geran berkenaan mula diperkenalkan, saintis yang hendak menjalankan penyelidikan asas pada masa ini, terutama bagi tujuan mengumpul data, sering kali dikecewakan atas alasan penyelidikan mereka terlalu mudah dan tidak memberi sumbangan kepada negara dan rakyat.

Beberapa penyelidik tempatan yang dihubungi menyuarakan rasa tidak puas hati dengan keadaan itu malah menyifatkan masalah birokrasi yang remeh-temeh, termasuk dalam mengisi borang permohonan, menyukarkan lagi saintis mendapat bantuan kewangan.

Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Zabidi Azhar Mohd Hussin, berkata keadaan itu bukan saja membantutkan usaha saintis berkenaan, malah menjejaskan pembangunan rakyat dan negara.

Beliau berkata, dalam bidang perubatan umpamanya, masih banyak data asas yang belum diperoleh dan tindakan menolak kegiatan R&D ke arah itu sewenang-wenangnya menyebabkan penyelidikan lanjutan tidak dapat dijalankan.

"Sebagai contoh, kita masih tiada data lengkap mengenai ukuran berat dan ketinggian kanak-kanak di negara ini. Namun, jika penyelidik memohon geran penyelidikan bagi tujuan mengumpul data ini, sudah pasti permohonan mereka ditolak atas alasan penyelidikan itu terlalu mudah dan tidak akan memberi pulangan kepada negara.

"Ini masalah serius kerana hasil penyelidikan tidak semestinya sesuatu yang boleh dijual. Dalam bidang perubatan misalnya, hasil penyelidikan adalah penemuan, data asas yang dapat memperbaiki taraf hidup dan kesihatan rakyat," katanya ketika dihubungi, di sini hari ini.

Sehubungan itu, Dr Zabidi berkata, panel jawatankuasa yang bertanggungjawab meluluskan sesuatu permohonan R&D perlu peka dengan keperluan dan kepentingan penyelidikan terbabit, di samping bersikap terbuka dan telus ketika menilai cadangan projek berkenaan.

Beliau berkata, pihak terbabit seharusnya memberi kepercayaan penuh kepada saintis dalam menjayakan projek masing-masing dan mengendalikan peruntukan yang diberi.

"Memang tidak dinafikan, mungkin ada pihak yang menyalahgunakan peruntukan ini tetapi ia tidak harus dijadikan alasan untuk menyekat saintis lain daripada menerima bantuan kewangan sewajarnya dan mencapai kecemerlangan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam meminta pegawai yang mengurus dana R&D supaya tidak menyekat bantuan bagi membiayai kajian saintis tempatan.

Sebaliknya, beliau berkata pegawai terbabit perlu bersikap positif terhadap permohonan saintis itu, sekali pun ada kemungkinan kajian berkenaan tidak akan membawa apa-apa hasil.

Pensyarah Jabatan Sains Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Azman Zainal Abidin, berkata panel jawatankuasa yang terdiri daripada saintis yang masih aktif menjalankan penyelidikan juga adalah antara faktor yang menyekat saintis menjalankan kegiatan R&D.

Beliau berkata, keadaan itu mungkin menyebabkan panel tidak dapat membuat penilaian terhadap sesuatu projek secara telus dan terbuka,

terutama projek yang berkaitan dengan bidang mereka sendiri kerana kepentingan peribadi.

"Adalah lebih baik jika jawatankuasa ini dianggotai profesor atau pakar yang tidak lagi aktif menjalankan penyelidikan," katanya.

Beliau yang juga panel jawatankuasa bagi geran R&D Program Penyelidikan dalam Bidang Keutamaan (Irpa) Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, berkata keanggotaan dalam jawatankuasa itu juga membebankan sesetengah saintis yang masih aktif menjalankan penyelidikan kerana tugas itu menuntut masa dan tenaga.

Selain itu, Dr Azman berkata, panel terpaksa memilih projek yang benar-benar difikirkan akan berjaya berikutan peruntukan dana yang rendah.

"Keadaan ini jauh berbeza berbanding ketika dana Irpa diperkenalkan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RM-5). Pada masa itu, hampir semua permohonan, diterima. Hari ini, hanya projek yang dianggap berfaedah dan bernilai komersial akan mendapat peruntukan," katanya.

(END)